



Untuk Siaran Segera

SSPN PILIHAN TERBAIK - TABUNGAN PENDIDIKAN UNTUK RAKYAT MALAYSIA

Kuala Lumpur, 27 Jun 2019 – Kewujudan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sememangnya merupakan suatu anugerah kepada rakyat Malaysia kerana instrumen ini merupakan pelan simpanan terbaik yang direka khas oleh kerajaan khusus untuk warganegara Malaysia bertujuan untuk perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan.

Melalui penabungan SSPN rakyat akan menikmati pelbagai keistimewaan dan manfaat apabila menyimpan. Berdasarkan pembentangan Bajet 2019, kerajaan telah menaikkan insentif pelepasan taksiran cukai untuk SSPN daripada RM6,000 kepada RM8,000 bermula tahun taksiran 2019. Dengan peningkatan ini, disasarkan lebih ramai masyarakat Malaysia yang dikenakan cukai pendapatan merebut peluang dengan membuat simpanan dalam SSPN.

Bagi keluarga yang berpendapatan rendah pula akan menerima insentif geran sepadan sehingga RM10,000 bagi satu keluarga mengikut jumlah simpanan dengan syarat-syarat tertentu. Masa depan anak-anak turut terjamin walaupun kematian ibu/bapa kerana terdapat perlindungan takaful dari RM40,000 sehingga RM1 juta. Rakyat Malaysia yang beragama Islam juga tidak perlu kluatir kerana simpanan pendidikan ini sentiasa berpandukan kepada sistem kewangan yang patuh syariah, selain simpanannya yang dijamin oleh kerajaan. Ibu bapa turut mendapat faedah sampingan menerusi dividen yang kompetitif. Dividen tahun 2018 adalah sebanyak 4 peratus di mana ia lebih tinggi daripada dividen di institusi-institusi kewangan yang lain.

Untuk menghargai pendeposit SSPN sedia ada dan menarik pendeposit baharu serta sempena ulangtahun SSPN-i yang ke 15 tahun pada tahun ini, PTPTN melancarkan Kempen Cabutan Hadiah 15 Tahun SSPN-i dan Cabutan WOW SSPN-i Plus tahun 2019 secara serentak melibatkan RM1.1 juta hadiah untuk dimenangi. Pada kali ini hadiah berupa wang tunai diberikan untuk semua kategori dan sebuah kereta Proton X70 Premium sebagai hadiah utama. Hadiah berbentuk wang tunai ditawarkan sebagai signifikan kepada amalan membudayakan penabungan di kalangan ibu bapa.

“Dengan hadiah yang cukup menarik disediakan oleh PTPTN sebagai tambahan kepada keistimewaan-keistimewaan lain yang telah diberikan, semua lapisan masyarakat perlu merebut peluang dengan membuka akaun atau menambah simpanan di dalam SSPN-i dan SSPN-i Plus. Tahniah kepada pendeposit yang bertuah dan berjaya memenangi hadiah bagi Cabutan WOW! SSPN-i Plus tahun lepas. Usaha dan kesedaran penabungan sebeginilah yang ingin PTPTN terapkan kepada masyarakat Malaysia yang lain,” kata Pengerusi PTPTN, Wan Saiful Wan Jan.

Semenjak diperkenalkan sehingga Mei 2019, lebih 4.1 juta akaun SSPN dibuka dengan deposit keseluruhan sebanyak RM4.9 billion. Prestasi SSPN tahun 2019 (Januari hingga Mei) turut menunjukkan peningkatan kerana pada tahun 2018 PTPTN berjaya mengutip RM340.94 juta dan pada tahun ini bagi tempoh sama berjaya mengutip RM376.66 juta.

“Peningkatan ini adalah hasil usaha yang gigih dan konsisten PTPTN dan kerajaan dalam menggalakkan masyarakat Malaysia untuk membuat persediaan lebih awal dengan membuat penabungan bagi tujuan pendidikan anak-anak sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman untuk pendidikan tinggi. Peningkatan ini juga memberi petunjuk bahawa semakin ramai rakyat Malaysia yang telah mula sedar tentang kepentingan membuat perancangan kewangan demi memastikan cita-cita untuk melihat kejayaan anak-anak melanjutkan pengajian,” katanya.

Semenjak tahun 2015, PTPTN secara proaktif mengubah persepsi masyarakat sebagai Tabung Pendidikan melalui simpanan awal dan bukan perbadanan yang menyediakan pinjaman semata-mata. PTPTN mula memperkenalkan produk Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) pada 2004 untuk SSPN-i dan kemudian memperkenalkan SSPN-i Plus pada tahun 2015 yang merupakan simpanan pendidikan untuk membantu perancangan kewangan ibu bapa secara konsisten pada setiap bulan.

“Kita tidak mahu isu bayaran balik pinjaman PTPTN dipolitik dan dipolimikkan sehingga masyarakat lupa bahawa PTPTN merupakan sebuah entiti kewangan yang juga menyediakan simpanan SSPN, pilihan terbaik tabungan pendidikan untuk rakyat Malaysia ke menara gading. Simpanan pendidikan melalui PTPTN ini perlu di ketengahkan dan di war-warkan secara agresif kepada rakyat kerana PTPTN tidak mahu rakyat terus rugi dan tidak dapat menikmati keistimewaan simpanan SSPN yang disediakan kerajaan ini akibat daripada isu bayaran balik oleh sesetengah pihak. PTPTN akan terus berusaha lebih keras dan ibu bapa perlulah meraih peluang yang ada untuk menabung demi masa depan anak-anak. Melalui penabungan, mari kita bina impian dan harapan mereka,” tambahnya lagi.

Tanggungjawab pendidikan anak-anak adalah tanggungjawab bersama (perkongsian tanggungjawab) antara kerajaan dan ibu bapa. Nilai ilmu melalui pendidikan amat besar dan pengajian tinggi merupakan pelaburan yang perlu disediakan oleh ibu bapa untuk anak-anak mereka sendiri yang memberikan nilai untuk wang (*value for money*) yang cukup besar apabila mereka berjaya kelak.

Mengenai PTPTN dan SSPN

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) yang berkuat kuasa pada 1 Julai 1997. PTPTN memulakan operasi pada 1 November 1997 dan bertanggungjawab menguruskan pinjaman untuk tujuan pendidikan tinggi dan mengutip pembayaran balik pinjaman; menyediakan skim simpanan dan menguruskan deposit bagi tujuan pendidikan tinggi; serta melaksanakan sebarang fungsi lain yang diamahkan kepada PTPTN oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) adalah merupakan satu skim atau instrumen simpanan yang direka khas oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi. Di bawah SSPN ini terdapat dua produk iaitu SSPN-i (yang dilancarkan pada tahun 2004) dan SSPN-i Plus (yang dilancarkan pada tahun 2015).

Hubungi:

- i) Pn. Rina Abd Rahman di rina@ptptn.gov.my (019 - 3888 733); atau**
- ii) En. Muhammad Haikal Asmawi di haikal@ptptn.gov.my (010 - 6568 510)**

-tamat-

Disiarkan oleh: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)